

APO-AZATHIOPRINE TABLET

Azathioprine (50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Azathioprine
2. Bagaimana Apo-Azathioprine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Azathioprine
4. Cara menggunakan Apo-Azathioprine
5. Semasa menggunakan Apo-Azathioprine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Azathioprine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Apo-Azathioprine

Azathioprine digunakan untuk menghalang badan daripada menolak pemindahan organ seperti buah pinggang dan hati. Ia juga digunakan untuk merawat gejala di mana kawalan sistem imuniti adalah diperlukan.

Apo-Azathioprine biasanya diambil secara kombinasi bersama-sama dengan ubat lain seperti kortikosteroid atau ubat imunosupresi yang lain.

Bagaimana Apo-Azathioprine berfungsi

Apo-Azathioprine mengandungi azathioprine, iaitu sejenis imunosupresan. Ia berfungsi dengan mengurangkan sistem imun badan anda.

Sistem imun membantu menentang jangkitan badan anda, namun, sistem imun juga boleh melawan atau "menolak" organ yang dipindahkan seperti hati atau buah pinggang. Ini adalah kerana sistem imun menganggap organ baru sebagai penceroboh. Azathioprine digunakan untuk menghalang badan anda daripada menolak buah pinggang yang dipindahkan. Ia juga berfungsi dalam kes-kes tertentu di mana sistem imun memerlukan penyelarasan.

Sebelum menggunakan Apo-Azathioprine

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh mengambil azathioprine jika anda alah kepada azathioprine atau mana-mana bahan kandungan dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Apo-Azathioprine jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Azathioprine jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengguna

Sebelum memulakan penggunaan ubat ini, anda perlu memberitahu doktor anda jika:

- anda merancang untuk menjalani sebarang bentuk pembedahan semasa, dan selepas tempoh mengambil Apo-Azathioprine.
- anda mempunyai keadaan di mana badan anda menghasilkan terlalu sedikit bahan kimia semula jadi yang dipanggil *thiopurine methyltransferase* (TPMT)
- anda (tidak kira jantina), merancang untuk mempunyai anak.
- anda mempunyai sebarang masalah perubatan atau sejarah perubatan yang lain

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor jika anda sedang mengambil ubat-ubatan berikut sebelum anda mula menggunakan Apo-Azathioprine:

- *Olsalazine*, *mesalazine* atau *sulfasalazine* (untuk penyakit keradangan usus)

- *Allopurinol* (mengurangkan asid urik)
- *Warfarin*
- *Penicillamine*

Ini bukanlah senarai lengkap ubat-ubatan yang boleh berinteraksi dengan Apo-Azathioprine jika diambil bersama. Sentiasa rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

Cara menggunakan Apo-Azathioprine

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut kesemua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

Dos adalah diseleras secara individu berdasarkan tindak balas terapeutik anda dan keadaan badan anda. Jika anda tidak memahami arahan pada label, minta doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Kesan terapeutik Azathioprine mungkin hanya menonjol selepas rawatan untuk beberapa minggu atau bulan.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, maka abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda

untuk menggantikan dos yang tertinggal. - <u>Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)</u> Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Semasa menggunakan Apo-Azathioprine - <u>Perkara yang perlu dilakukan</u> Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Azathioprine. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mendapati tahi lalat baru, perubahan dalam tahi lalat yang telah ada, sebarang ketulan pada badan anda atau anda rasa tidak sihat. Mungkin terdapat risiko yang tinggi untuk mendapat jangkitan atau tumor, termasuk kanser kulit, di samping mengambil ubat ini. Lindungi anda daripada cahaya matahari ketika menggunakan Apo-Azathioprine. - <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u> Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Apo-Azathioprine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.	- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u> Dapatkan bantuan perubatan kecemasan jika anda mengalami sebarang tanda-tanda tindak balas alahan berikut: gatal-gatal; kesukaran bernafas, bengkak muka, bibir, lidah, atau tekak. Anda juga perlu untuk mengelakkan: • Mana-mana vaksin "hidup". • Aktiviti yang boleh meningkatkan risiko anda mendapat kecederaan pendarahan. • Berhampiran dengan orang yang sakit atau terjangkit. <u>Memandu dan menggunakan jentera</u> Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera. Kesan-kesan sampingan Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Azathioprine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan-kesan sampingan mungkin termasuk; • <i>Jangkitan dan serangan</i>: jangkitan kulat dan bakteria. • <i>Neoplasma jinak dan malignan (termasuk sista dan polip)</i>: Kanser limfosit, kanser kulit, sarcomas (kanser ganas yang diperbuat daripada lemak, otot, tulang) dan kanser serviks rahim • <i>Gangguan darah dan sistem limfa</i>: despression fungsi sumsum tulang atau trombositopenia (platelet rendah dalam darah) • <i>Gangguan Gastrosus</i>: Pankreatitis (keradangan pada pankreas), atau buang air besar yang tidak normal, radang usus besar. • <i>Gangguan hepato-biliary: cholestasis</i> (pengurangan dalam aliran hempedu) • <i>Kulit dan gangguan tisu subcutaneous: Alopecia</i> (keguguran rambut)	• <i>Gangguan Sistem Imun</i>: tindak balas hipersensitiviti Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan lain atau kesan sampingan berlarutan selepas selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)] Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Azathioprine - <u>Penyimpanan</u> Simpan ubat ini jauh dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. - <u>Pelupusan</u> Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar. Maklumat lanjut - <u>Rupa dan warna produk</u> Warna kuning pucat, berbentuk biji kacang, permukaan yang rata, serong di tepi tablet, skor dan diukir "AZ 50" pada satu permukaan dan "APO" pada permukaan yang lain. - <u>Bahan-bahan kandungan</u> - Bahan aktif Azathioprine - Bahan tidak aktif Lactose Monohydrate, Microcrystalline Cellulose, Corn Starch, Magnesium Stearate. - <u>Nombor MAL</u> MAL09011432ACRZ Pengilang RPG Life Sciences Limited Plot: 3102/A G.I.D.C Estate
---	---	--

Ankleshwar, Dist Bharuch,
Gujarat State
393002 Inida

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

5/8/2022

Nombor Siri

BPFK(R4/1)161115/00422